

# BAHASA MELAYU

## LUAS DAN KAYA

Pantun-pantun Melayu

(III- Penutup)

(Oleh 'Abd al-Ḥamīd- Pārit)

Pada rencana ini digubahkan pantun-pantun itupun bukanlah sejenis sahaja sekiranya ditimbang dengan cermat dan sakasama akan didapati bentuk empat rangka itu beragam-ragam cara dan gayanya. Semuanya itu boleh bertemu di dalam berbagai-bagai buku. Yang demikian bolehlah ditetapkan untuk orang-orang Melayu pun adalah sarat rendah dengan kebudayaan yang indah yang tidak mudah direndahkan bahkan sebaliknya tiadalah berlebih-lebihan jika dikatakan cukup lengkap atau kalau tiada lebih pun daripada bangsa-bangsa lain tetapi tiadalah kurang sanya pantun itupun berjuang-juang juga sebanyak di lapan cawangan masing-masing beredar dan menyelara menuju lapangan sendiri.

(1) Pantun berbalas (2) Bersirat (3) Pantun berkait, (4) Pantun Budi Bahasa (5) Pantun Teka-teki, (6) Pantun Cumbuan, (7) Pantun Ibarat, (8) Pantun Perumpamaan (9) Pantun Puja puji semangan dan lain-lain.

(1) Pantun berbalas:

(1): Saktinya dewa di rima dewa

Penjelmaan bunga naga sari

Lenyaplah nyawa kerana nyawa

Nyawa yang hilang sukar dicari.

Balasannya:

Bantal emas tekatan bersulam

Diraksi dengan jarum sebahawa

Muda tak cemas di lautan dalam

Besi tak gentar membuang nyawa.

(2) Indahnya taman Banjaran Sari

Jambangan beratur punca warna

Maghrib cemerlang nur yang suria

Apakah padah mudah kerana

Balasannya:

Eloknya paras wajah Tun Teja

Bersunting bunga cempaka radu

Matahari terbit waktu senja

Alamat jauhari bertemu judu

2. Pantun bersirat 6 kerat:

Paku rawan lembut li'ut

Bunga sejambak kuning warna.

Buat ulam sedap dicelur.

Kalau tuan pergi ke laut

Kirimkan saya ketam betina

Carilah juga yang banyak telur.

3. Pantun Berkait:

Asap api tabun temabun

Merendang lada disimpul pulih

Taruknya kaca tingginya embun

Dipandang ada diambil tak boleh

Merendang lada disimpul pulih

Asap berpunding tidak bermula

Dipandang ada diambil tak boleh

Ditunggu oleh naga bercula.

4. Pantun budi bahasa:

Raja Maluku meminjam kuda

Kuda diracak ketengah pesara

Sebuku belacan dipicitkan lada

Terbukalah tekak pecah selera

Di dalam teluk kalau bersampan

Jangan berkayuh laju-laju

Lamun elok laku dan tampan

Ramailah kelak orang setuju.

5. Pantun teka-teki:

Harum sungguh bunga melati

Tengah malam semerbak rata

Hairan sungguh di dalam hati

Putih hitam pandai berkata.

6. Pantun cumbuan:

Biku bertapa di muka pintu

Dulang berkaluk orang selimpat

Tuanku gerangan mengapa begitu

Hendak pulang segera cepat

Merak emas burung dibuat

Mati dipanah dewa di awan

Padang emas gunung permat

Bilakah sama dengan bangsawan

Seroja di atas peti

Daun betik lekat di sisi

Tuanku raja yang sakti

Ambillah patik buat raksi.

7. Pantun Ibarat:

Ayam gila ke lari papan

Tajaan anak raja di tapung

Entahkan bila masa hadapan

Gula tumpah semut berkampung

Pokok talas pokok keladi

Dilendat karam licin tandas

Puas sudah saya berbudi

Garam tak masin cabai tak pedas.

8. Pantun perumpamaan:

Dang Laila memangku puan

Berambang buah pada ada

Adakah gila bagimu tuan

Burung terbang dipipiskan lada

Tioman pulau yang kecil

Kera melompat sama tengahnya

Seekor kuman kena pelantik

Seluruh alam limpah darahnya.

9. Pantun pujaan semangat:

Lamun tumbuk bir bertatar

Jika tidak serupa pedang

Lautan berombak dipandang datar

Gunung yang tinggi disangka padang.

Dewi durga turun berarak

Semayam di Balai Ratu Anum

Mega bertepuk awan bersorak

Syams mengilai qamar tersenyum.

Sungguhpun pantun-pantun itu bercorak dan beragam-ragam baginya lagi tetapi oleh kerana hendak meringkaskannya hanya disusunkan 9 jenis sahaja, yang ditinggalkan itu ialah pantun orang laut, pantun ahli persauhan (belutah kata orang Perak), pantun raja beradu, pantun naik buaian (berandul atau dendang Siti Fatimah kata orang utara Malaya), pantun nasihat entah berapa banyak lagi telah dilupakan oleh orang-orang sekarang. Sekalian yang tersebut itu berisi seni-seni kata yang indah permai penuh dengan rangkaian yang merdu harum-haruman yang terpancar dari kelopak bunga Banjaran Sari, yang demikian ketahuilah kita dicelah-celah lipatan otak bangsa Melayu itu terselit ilmu kesusasteraan yang boleh dimegahkan oleh alam tamadun ini sebagaimana tuan-tuan pembaca saksikan sendiri.

Pada tiap-tiap baris yang pertama dan kedua itu bukanlah

sia-sia atau menjadi pasangan sajak sahaja. Tetapi kerap kali jiwa boleh bertemu dengan seni kata yang bernas dan mempunyai erti yang menunjukkan sesuatu keadaan umpamanya:

“Tinggi-tinggi matahari anak kerbau mati bertempat”. Baris yang pertama itu ialah au kerana masa orang-orang zaman dahulu kala lebih kurang pukul Sembilan pagi waktu sekarang, pada masa tersebut matahari sedang memancarkan cahayanya, anak kerbau yang di tempat biasanya mati oleh kepanasan kerana ibunya menenggala sawa. Pada masa itu sekalian kerbau-kerbau tabiatnya turun berendam dan berhenti daripada memajak supaya lepas daripada kelelahan bekerja- inilah yang dikatakan pantun ahli persauhan.

Penyudahnya disebutkan apakah yang dikatakan gurindam itu. Gurindam itu setengahnya boleh dimasukkan ke dalam pecahan syair atau pantun dan setengahnya pula seperti rencana tetapi walau apa jenis sekalipun di dalamnya terkandung pati-pati kata dan gubahan itu yang berukir-ukir dan berbunga-bunga tujuannya menyatukan yang mendengar, memberahikan yang membaca, mengindahkan yang melihat, menakjubkan hati yang yang cabar dan sebagainya:

1. Maka air sungai itupun berombaklah ditiup oleh angin sepoi-sepoi basa berpalu sama sendirinya seperti bunyi-bunyian dipalu orang terlalulul merdu. Maka ikan, udang di dalam sungai itupun timbullah berenang-renag seolah-olah menunjukkan dirinya kepada raja Indera mengandera lakunya terlompat-lompat seraya tertawa-tawa sambil berpantun.
2. Gurindam yang berupa syair atau pantun itu yang sependek-pendeknya 2 baris dan yang selanjut-lanjutnya 23 baris dipantunkan di sini enam belas baris sahaja.

Awak tua bandar terbuka  
Emas habis dagangan mudah  
Kerbau kambing sesak di padang;

Itik angsa tenang kuala;  
Merpati lindungan langit;  
Rengkayang tujuh menjijir;  
Taman dengan sekerat kota;  
Emas perak penuh di rumah  
Tangga rumah emas bertuang,  
Ibu tangga emas bertitik;  
Batuan sawa mengular.  
Penuh sesak hamba sahaya;  
Ada yang empat senama,  
Ada yang lima senama;  
Dilaung di rumah di tanah menyahut,  
Dilaung di tanah di rumah menyahut.

Sungguhpun telah lima pencarian dibentangkan hal peribahasa Melayu serta dengan cawangannya tetapi cuma dengan kesimpulan sahaja tegal dibalik patah-patah kata itu penuh berjalan kata-kata yang berkehendak dirombak lagi sebagaimana di balik di awan yang menyelara itu terlindung bunga-bunga yang akan menjadi buah dan buah itu berkehendak ditanam pula spaya menjadi pokok yang rampak dan rendang.

Kata-kata yang berjalin itu ialah: (1) Raja Suran masuk laut (2) Mengukur kaca (3) Bumi riak (4) *Iqtāb al-Ard* (5) Lembu muntahkan buih (6) *baṭ* (Betala) (7) Tanah negara warna emas demikian jua padi berbuah emas berdaunkan perak dan batangnya tembaga suasa serta beberapa banyak lagi sekalian itu terpendam di sejarah Melayu tak pernah diulas dan dikupas; Jika didiamkan atau ditinggalkan akhirnya sudah sekian lama patah-patah kata itu makin lama semakin jauh fahaman dari orang Melayu yang sentiasa hari leka mengadap kehadapan sahaja tidak mau menoleh kebelakang barang sebentar!

Tamat